



## Dua emas Sunik bantu UPSI duduki tangga kedua VTF 2023 Sirkit Kedua

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Mei 29, 2023 @ 1:44pm  
[bhsukan@bh.com.my](mailto:bhsukan@bh.com.my)



Atlet kebangsaan, Muhammad Sunik Muslimin menyumbang dua emas untuk Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada Kejohanan Varsity Track & Field (VTF) 2023 Sirkit Kedua di Stadium Darul Makmur. NSTP/ Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Atlet kebangsaan, Muhammad Sunik Muslimin berpuas hati apabila dapat menyumbang dua pingat emas untuk membantu kontinjen Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menduduki tempat kedua pada Kejohanan Varsity Track & Field (VTF) 2023 Sirkit Kedua berakhir semalam di Stadium Darul Makmur, di sini.

Kilauan emas disumbang menerusi acara lompat jauh dengan catatan 6.95 meter (m) dan lompat kijang (14.21m).

Menurut atlet kelahiran Sabah itu, walaupun catatan yang dilakukan dalam dua acara berkenaan kurang memuaskan namun dia berpuas hati sekadar untuk meraih pingat emas bagi membantu kontinjen UPSI pada VTF 2023 Sirkit Kedua ini.

Katanya, rekod peribadi acara lompat jauh ialah 7.26m dan 15.17m dalam acara lompat kijang, catatan yang dilakukan pada VTF 2023 Sirkit Kedua ini agak jauh menurun disebabkan faktor tiada saingan.

"Saya berusaha melakukan yang terbaik pada VTF 2023 Sirkit Kedua bagi menebus kegagalan pada Sukan Sea Kemboja baru-baru ini apabila saya hanya mampu menduduki tempat kesembilan dalam acara lompat jauh."

"Kejayaan mengumpul dua pingat emas pada kejohanan kali ini turut menjadi pembakar semangat untuk meraih kecemerlangan pada Sirkit Ketiga zon utara (VTF3) di Stadium Batu Kawan Pulau Pinang dan Grand Final pada Oktober di UPSI," katanya, di sini semalam.

Tambahnya lagi, pada VTF 2023 Sirkit Pertama di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Mac lalu, dia tidak berpeluang bertanding kerana memberi tumpuan kepada persiapan menghadapi Sukan Sea Kemboja.

Muhammad Sunik berkata, kejayaan meraih dua pingat emas pada VTF 2023 Sirkit Kedua di Kuantan kali ini diharap dapat terus dilakukan pada saingan Sirkit Ketiga zon utara (VTF3) di Stadium Batu Kawan Pulau Pinang dan Grand Final pada Oktober di UPSI yang menjadi gelanggang dia dan atlet UPSI berlatih.

Menurutnya, pada saingan VTF 2023 Sirkit Pertama, UPSI muncul naib johan apabila meraih empat emas, lapan perak dan tujuh gangsa.

Prestasi kontinjen UPSI pada VTF 2023 Sirkit Kedua di Kuantan kali ini ternyata meningkat apabila mengumpul lapan emas, empat perak dan tujuh gangsa untuk berada di tangga kedua keseluruhan.

"Saya berharap pencapaian kontinjen UPSI terus meningkat pada baki dua lagi saingan selepas ini. Lebih penting saingan di peringkat Grand Final apabila UPSI menjadi tuan rumah," katanya.